

Newspaper

Utusan Malaysia

Date

1 March 2016

## Setiap PM ada gaya dan cara tersendiri

UM-113/2016

**FOKUS**

Oleh **ZULKIFLI JALIL**

[pengarang@utusan.com.my](mailto:pengarang@utusan.com.my)

**SEORANG** menteri tidak akan bertelagah dengan hasrat dan pandangan Perdana Menteri, melainkan beliau sudah bersedia untuk melepaskan jawatannya.

Apatah lagi dia seorang Timbalan Perdana Menteri mahupun Timbalan Presiden dalam sesebuah parti yang membentuk majoriti dalam komponen partinya seperti UMNO yang memiliki 88 kerusi Parlimen, menyamai kekuatan 89 kerusi tiga parti dalam pakatan pembangkang pada pilihan raya umum lalu.

Anggota-anggota pentadbiran adalah secara kolektif bertanggungjawab kepada Kabinet dan Parlimen. Demikianlah juga seorang timbalan presiden parti yang kebiasaannya dilantik menyandang jawatan timbalan perdana Menteri. Maka sudah tentu ia tidak wajar mengungkapkan kata-kata yang bertentangan dengan dasar ditetapkan kerajaan.

Timbalan Perdana Menteri dan para menteri juga secara kolektif bertanggungjawab kepada badan perundangan, iaitu Parlimen dan dalam realitinya bertindak mengikut arahan kepimpinan iaitu Perdana Menteri.



**TUNKU ABDUL RAHMAN**



**TUN ABDUL RAZAK**



**TUN HUSSEIN ONN**

Ini merupakan suatu prinsip Inggeris yang masih teguh diikuti di Malaysia walaupun ada kalanya timbalan menteri tertentu, mungkin kerana kejahilan, mengkritik dengan keras kementerian atau jabatan tertentu berkaitan sesuatu perkara.

Jika dia mempunyai rasa tidak puas hati terhadap mana-mana kementerian, perkara itu mestilah menggunakan saluran yang sewajarnya.

Cuma satu ciri penting yang diamalkan dalam kerajaan moden seluruh dunia adalah pemilihan para menteri termasuk Timbalan Perdana Menteri yang menjadi hak eksklusif Perdana Menteri.

Di Malaysia jawatan Timbalan Perdana Menteri sama seperti Ketua Setiausaha Negara dalam perkhidmatan awam merupakan suatu jawatan 'cipta' pentadbiran kerana tiada diperuntukkan dalam Perlembagaan. Bagaimanapun, pengalaman dan amalan di Malaysia selama lebih 50 tahun ini, Timbalan Perdana Menteri

dikurniakan dengan fungsi dan peranan tertentu sebagai timbalan kepada Perdana Menteri.

Sejarah kerajaan perwakilan, sebahagian besarnya merupakan kisah bagaimana beberapa Perdana Menteri dan Presiden memacu dan mengatur pentadbiran mereka sendiri. Ini sama ada dalam kemelut politik atau dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu.

Seperti juga Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn, Tun Dr. Mahathir Mohamad, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan kini Datuk Seri Najib Tun Razak, kesemuanya akan terus dikenali walaupun selepas berlalu era mereka.

Yang nyata, setiap Perdana Menteri mempunyai cara atau gaya beliau sendiri dalam melakukan sesuatu.

Tiada dua Perdana Menteri menangani sesuatu isu dengan cara yang sama.

Ia bukanlah misteri, seperti mana pengalaman Malaysia telah membuktikannya.